

UMNO

MT diharap dapat terjemahkan sokongan

KUALA LUMPUR 25 Jun — Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam berharap ahli-ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO dapat menterjemahkan sokongan mereka kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam usaha mengekalkan kestabilan dalam parti.

Beliau berkata, jaminan sokongan kepada Abdullah oleh beberapa ahli MT menerusi ucapan mereka selepas mesyuarat MT merupakan perkara penting yang menarik perhatian beliau.

“Saya juga tertarik dengan janji mereka untuk terus mengekalkan ketenteraman dan kestabilan dalam parti,” katanya.

Beliau menyatakan perkara itu ketika dihubungi bagi mengulas mengenai pengumuman hasil mesyuarat MT UMNO petang ini.

Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob yang membacakan pengumuman itu antara lain berkata, Abdullah disahkan sebagai Perdana Menteri selepas persaraan Dr. Mahathir pada Oktober 2003 iaitu selepas Sidang Kemuncak Persidangan Negara-negara Islam (OIC).

Abdullah pula akan memangku jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO dalam tempoh percutian Dr. Mahathir selama dua bulan.

Musa berkata, tempoh peralihan 15 bulan yang diberikan dalam formula kompromi itu sebenarnya sebagai penghargaan Dr. Mahathir kepada ahli-ahli MT UMNO yang sebelum ini meminta beliau menarik balik peletakan jawatannya.

“Kalau saya dapat mendalami pemikiran Dr. Mahathir, beliau mungkin hendak berhenti sekarang,” katanya.

Bagaimanapun katanya, hasil kompromi yang dicapai dan pengorbanan Dr. Mahathir perlu diberi penghargaan oleh semua pihak.

Ia katanya hasil musyawarah dan muafakat yang diharapkan dapat mewujudkan kestabilan dalam parti.

“Saya berpendapat hanya sokongan besar kepada Abdullah membantu UMNO dan berilah peluang kepada beliau supaya peralihan kuasa dapat dibuat secara licin dan teratur,” katanya.